

16 FEB 2001

Mahathir-Proton

DR MAHATHIR MINTA PROTON BERSEDIA HADAPI CABARAN AFTA

PUTRAJAYA, 16 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa pengeluar kereta nasional, Proton supaya bersiap sedia dengan mengurangkan kos pengeluaran bagi membolehkan mereka bersaing dengan pengeluar kereta asing dan untuk menghadapi pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Perdana Menteri berkata dengan pelaksanaan Afta harga kereta import tidak lagi tertakluk kepada duti import yang sangat tinggi.

Oleh itu, kerajaan tidak lagi dapat melindungi Proton, katanya dalam ucapan untuk meraikan Petronas EON Racing Team (Pert) berikutan kejayaan mereka dalam kejohanan Rali Asia Pasifik 2000 di Seri Perdana di sini malam ini.

"Apabila Afta dilaksanakan, kereta yang masuk dari negara-negara Asean tidak lagi tertakluk kepada duti yang sangat tinggi. Mereka akan dapat menghantar kereta mereka dengan harga yang lebih rendah. Proton perlu belajar untuk bersaing dengan mereka kerana kerajaan tidak lagi dapat melindungi mereka.

"Kami mahu Proton bersiap sedia untuk menghasilkan kereta yang bukan sahaja berkualiti tinggi tetapi juga kosnya rendah," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun sebagai sebuah pengeluar yang kecil, ia tidak menguntungkan bagi Malaysia daripada segi skala ekonomi dan volum.

Bagaimanapun, beliau yakin bahawa pengeluar kereta nasional itu akan dapat bersaing dengan model-model import.

"Saya pasti dengan dedikasi dan ketekunan, kita akan dapat menghasilkan kereta dengan rekacipta dan enjin kita sendiri dan kita akan dapat bersaing dengan kereta berjenama import," katanya.

Terdahulu, Pengerusi Edaran Otomobil Nasional (EON) Tan Sri Mohd Saleh Sulong berkata PERT telah menetapkan sasaran untuk memenangi kategori keseluruhan APRC pada tahun depan.

"Sebagai kejohanan rali yang kedua paling berprestij selepas kejohanan rali dunia, juara keseluruhan mendapat pengiktirafan di Monaco semasa penyampaian hadiah tahunan FIA. Dengan memenangi anugerah itu, ia adalah langkah permulaan dalam meletakkan Malaysia pada peta rali dunia," katanya.

Pada kejohanan tahun lepas, pemandu PERT Karamjit Singh dan jurumudi Allen Oh menang dua kali di Indonesia dan Thailand dan tiga kali dalam kategori Kumpulan 'N' (di Indonesia, Thailand dan Malaysia).

Antara yang hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

-- BERNAMA

NM HS AKD